

63

PERANAN BANTUAN KERAJAAN DALAM MENINGGIKAN TARAF
HIDUP NELAYAN: SATU KAJIAN DI KAWASAN PEMBANGUNAN
NELAYAN SEKITAR BANDAR TUMPAT

Oleh

NORIAN MAT HUSSAIN

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
FEBRUARI, 1985

PERANAN BANTUAN KERAJAAN DALAM MENINGGIKAN TARAF
HIDUP NELAYAN : SATU KAJIAN DI KAWASAN PEMBANGUNAN
NELAYAN SEKITAR BANDAR TUMPAT

Oleh

Norih Mat Hussain

Latihan Ilmiah bagi memenuhi sebahagian daripada
keperluan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan
Kepujian , di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia , Pulau Pinang.

P. Pinang,
Februari 1985

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT. kerana akhirnya latihan ilmiah ini dapat juga disiapkan walaupun terdapat kelemahan-kelemahan dan cacat celanya.

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada penasihat latihan ilmiah saya, Dr. K. U. Srinanda yang begitu bersabar dalam membimbing, memberi tunjuk ajar, menyemak dan akan membuat penilaian pula terhadap penulisan saya ini. Tanpa teguran dan tunjuk ajar dari beliau itu sudah pastilah penulisan ini akan menemui banyak kegagalan dan tidak akan berjaya serta akan menampakkan banyak kelemahannya. Jasa-jasa beliau itu tidak akan saya lupakan dan saya ucapkan ribuan terima kasih.

Tidak lupa juga, ucapan terima kasih saya kepada para pensyarah Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan terutamanya En. Hassan Naziri Khalid selaku bekas Pengurus Bahagian Geografi yang juga menjadi Penasihat Akademik saya kerana telah memberi bimbingan dan panduan dalam penulisan latihan ilmiah saya ini pada peringkat awalnya. Kepada semua pensyarah yang lain saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kerana melalui pengajaran dan didikan merekalah, dapat saya munafatkan untuk menulis dan menyusun isi latihan ilmiah ini.

Kepada agensi kerajaan terutamanya Jabatan Perikanan, LKIM, UPEN (Unit Penyelidikan Ekonomi Negeri), Majlis Daerah Tumpat, PNK Tumpat dan Pejabat Penggawa Tumpat saya mengucapkan terima kasih kerana telah banyak membantu saya untuk mendapatkan berbagai maklumat dan data-data bagi penulisan latihan ilmiah ini. Juga terima kasih saya yang tidak terhingga kepada semua pegawai di Jabatan Perikanan Kelantan yang telah melayan saya dengan begitu baik sekali selama tiga minggu saya berada di pejabat itu . Tidak lupa juga kepada pegawai di bahagian Pengembangan Laut Jabatan Perikanan kerana telah banyak memberi kerjasama dan bantuan serta penerangan yang penting khususnya mengenai perusahaan menangkap ikan di kawasan Tumpat.

Akhir sekali saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pekerja di Bilik Sumber Geografi, Universiti Sains Malaysia di atas kerjasama mereka dalam penulisan ini. Begitu juga kepada semua kawan-kawan seperjuangan, saya ucapkan terima kasih di atas galakan dan pertolongan mereka terutamanya kepada Siti Fatimah yang telah banyak membantu saya semasa membuat kajian luar. Kepada kawan-kawan semua, di atas sokongan dan bantuan yang telah diberi bagi menyiapkan latihan ilmiah ini amat saya sanjungi dan hargai.

Norrah Mat Hussain,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai peranan bantuan kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup nelayan khususnya di Kawasan Pembangunan Nelayan di sekitar bandar Tumpat seperti di Kampung Besut, Dalam Rhu, Tanjung Kuala dan Tanjung Che Mas. Dalam menganalisa tentang struktur ekonomi dan sosial serta taraf hidup nelayan di kampung-kampung tersebut juga soal-soal pendapatan, hakmilik dan perbelanjaan merupakan isu utama yang akan diberi perhatian oleh pengkaji. Di sini penganalisan yang dibuat adalah berdasarkan kepada kajian empirikal yang telah dijalankan dan ditambah pula dengan pendapat-pendapat dari pihak terlibat seperti para nelayan (kumpulan sasaran), pegawai pelaksanaan dari agensi perikanan dan badan-badan tertentu.

Didapati dengan adanya skim bantuan subsidi melalui Jabatan Perikanan, ianya telah membolehkan lebih ramai lagi nelayan-nelayan tempatan di Tumpat dapat mempunyai alat-alat menangkap ikan mereka sendiri, serta secara langsung dapat pula meningkatkan lagi pendapatan dan taraf hidup mereka. Walaupun begitu tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga beberapa keburukan yang timbul dari skim itu tetapi ianya tidaklah begitu ketara sangat.

Dalam mengkaji dan melihat peranan agensi perikanan dalam membantu masyarakat nelayan ke arah yang lebih maju serta berdikari, didapati peranan LKIM amatlah besar sekali.

Misalnya dalam mengadakan berbagai projek pembangunan ekonomi atau sosial khasnya untuk kaum nelayan di Tumpat. Nampaknya semua projek yang telah dibuat oleh LKIM itu sedikit sebanyak dapat mengubah corak kehidupan masyarakat nelayan di kawasan tersebut.

Secara keseluruhannya kajian yang telah dijalankan di kampung-kampung tersebut dapat memberi satu gambaran yang jelas kepada kita tentang kehidupan masyarakat nelayan dan masalah-masalah yang selalu mereka hadapi. (Mereka juga terpaksa menghadapi beberapa keadaan yang tidak dapat dielakkan ; seperti masalah hutang dengan orang tengah dan dengan pihak kerajaan. Masalah... yang terbaru iaitu kekurangan sumber ikan serta pencerobohan oleh nelayan asing ke kawasan perairan Malaysia khasnya.)

Didapati juga kebanyakan dari para nelayan di kampung-kampung itu menyedari tentang perlunya pembangunan dalam kehidupan mereka seharian tetapi ianya dibatasi oleh beberapa faktor seperti masalah modal, masalah untuk mendapat kepakaran atau kemahiran dan juga keupayaan untuk mengadakan satu-satu projek yang memberi keuntungan kepada mereka. Atas sebab-sebab itulah maka kebanyakan nelayan di kawasan tersebut masih lagi dalam keadaan ketinggalan jika dibandingkan dengan masyarakat dalam lain-lain sektor ekonomi di Tumpat.

ABSTRACT

This study is concerned with the role of government in enhancing the standard of living of fishermen particularly in the area of Tumpat surrounding such as, Kampung Besut, Dalam Rhu, Tanjung Kuala and Tanjung Che Mas. In analysing the economic and social structure and the standard of living of fishermen in these vilages, emphasis is given to major issues such as income, expences and ownership. Analysis was based on empirical study supplemented by a survey of the opinions of the different parties concerned such as fishermen, enforcement officers of the fishery agency and other bodies.

Findings of the study shows that, with the subsidy scheme which was granted through the Fishery Department more and more of the local fishermen in Tumpat were able to own fishing equipments. The scheme has also increased their income and the standard of living. Although a few undesirable effect have arise due to this scheme but can be discounted as not serious.

In studying and identifying the role of the fishery agency in helping the fishing community to be more developed, modernised and to be self-sufficient it was found thad the role LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) is most crucial. The special social and economic development project carried out by LKIM for the Tumpat fishing community is an examples of its role.

It is obvious that the projects have some impact towards changing the living pattern of a fishing communities in the area.

Generally, the study enables us to get a clearer picture of the way of life and problems frequently faced by the fishing community. They also encounters inevitable situations which involves the problems of dealing with goverment lending agencies and private middle-men, also a new problem of decreasing catches and encroachment by foreign fishermen into the Malaysian waters.

It was also found that fishermen of the villages studied realize the need for improvement of their daily life but were unable to contribute to it effectively due to some constraining factors. These factors include lack of capital, shortage of expertise and the inability to carry out the projects that bring them benefits. Due to these, most of the fishermen in the Tumpat fishing community are still living in a backward condition when compared to those who are involved in other economic sectors.